

30 MAR 2000

DR MAHATHIR TIBA UNTUK HADIRI MESYUARAT BAHAGIAN KUBANG PASU

ALOR SETAR, 30 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini hari ini bagi menghadiri Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu.

Dr Mahathir yang juga ketua bahagian itu akan turut merasmikan persidangan perwakilan berkenaan.

Ketibaan beliau pada pukul 9.25 pagi disambut oleh Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Timbalan Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu, Tan Sri Osman Aroff serta beberapa orang anggota exco kerajaan negeri dan anggota jawatankuasa Umno bahagian Kubang Pasu.

Pada sebelah malam Dr Mahathir akan menghadiri jamuan malam di Kampung Guar Tanah Arang, Tunjang. Beliau dijadualkan pulang ke Kuala Lumpur malam ini.

-- BERNAMA

MZM LAT